

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, November 30, 2017 4:20 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: PERUTUSAN NAIB CANSELOR SEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL TAHUN 1439H/2017M



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



30 NOVEMBER 2017 / 11 RABIULAWAL 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



UUM ONLINE:

PERUTUSAN NAIB CANSELOR SEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL TAHUN 1439H/2017M

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Muslimin Muslimat Warga Universiti Utara Malaysia yang dirahmati Allah,

"Dan tidaklah Kami mengutus kamu (Muhammad) melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam." (Surah al-Anbiya', ayat 107)

Syukur Alhamdulillah, segala pujian bagi Allah Subhanahuwataala Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, ahli keluarga, sahabat dan pengikut Baginda, kerana masih diberi kesempatan meraikan hari ulang tahun Keputeraan Habibullah, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah diutuskan oleh Allah Subhanahuwataala untuk menyempurnakan syariat Islam dengan membimbing dan memimpin seluruh umat manusia untuk mencapai kesejahteraan demi meraih keredaan Allah di dunia dan akhirat.

Hakikatnya, mutakhir ini dunia sangat berhajat kepada Islam yang akan mengembalikan seluruh seruan dan akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk menyelamatkan dunia yang sedang dihipit oleh pelbagai kerosakan dan kezaliman akibat tangan-tangan manusia itu sendiri. Islam merupakan penyelesaian terhadap segala kejahatan ini dan mampu mengembalikan air mata kegembiraan serta menukar penderitaan kepada kebahagiaan.

Justeru, umat Islam mestilah mempereratkan ikatan ukhuwah terlebih dahulu dengan berpegang kepada sunnah Rasulullah dan menggenggam erat syariat Allah. Seterusnya bangkit dengan penuh semangat untuk menebarkan rahmat ke seluruh alam ini dengan mempamerkan teladan sebagai umat yang mengharmoni dan mensejahterakan kehidupan di muka bumi.


“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian dengan tali Allah dan janganlah kamu sekalian berpecah belah, dan ingatlah nikmat Allah atas kamu semua ketika kamu bermusuhan-musuhan maka Dia (Allah) menjinakkan antara hati-hati kamu maka kamu menjadi bersaudara.” (Surah Ali Imran, ayat 103).

Saya berseru agar semua warga UUM terus mengukuhkan tali silaturahmi demi mengekalkan kesejahteraan institusi ini dan negara kita yang tercinta seperti yang tersurat dan tersirat dalam tema sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam bagi tahun 1439H/2017M pada Peringkat Kebangsaan, iaitu "KESATUAN UMMAH KESEJAHTERAAN NEGARA".

Sekian.

Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak
Naib Canselor
Universiti Utara Malaysia

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.